



"The Entrepreneurial University"

Portal Rasmi
UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Bahasa Melayu English Lain-lain | ●●●

Carian...

Staf
Email Staf
Portal Staf

[Utama](#)

[Info UMK](#)

[Pra-Siswazah](#)

[Pascasiswazah](#)

[Fakulti /Pusat](#)

[Fakulti Keusahawanan & Perniagaan](#)

[Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan](#)

[Fakulti Perubatan Veterinar](#)

[Fakulti Industri Asas Tani](#)

[Fakulti Sains Bumi](#)

[Pusat Bahasa dan Pembangunan Insaniah](#)

[Pusat Pengajian Siswazah](#)

[Kampus](#)

Laman Facebook Alumni
Laman Web HEPA
Pelajar

[Utama](#) ▶ [Berita Terkini](#) ▶ [98 ATLET UMK GALAS CABARAN SUKUM 37](#)

98 ATLET UMK GALAS CABARAN SUKUM 37



KONTINJEN Universiti Malaysia Kelantan (UMK) perlu menunjukkan semangat kesukanan tinggi dan menjaga imej Universiti dalam membawa cabaran di Kejohanan Sukan Staf Antara IPTA Malaysia (SUKUM) Ke 37, yang berlangsung di Universiti Utara Malaysia (UUM), pada 2 hingga 12 Julai 2012.

Naib Canselor UMK, YBhg. Prof. Dr. Raduan bin Hj. Che Rose, berkata, kejohanan sukan staf universiti adalah platform paling sempurna untuk membina rangkaian antara sesama pegawai dan atlet daripada seluruh universiti awam yang bertanding sepanjang berlangsungnya kejohanan tersebut.

Justeru itu, beliau juga percaya sukan mampu mendidik staf untuk menjalinkan hubungan rangkaian antara sesama pasukan yang bertanding.

"Saya berharap semua atlit dan pegawai mampu menjelmakan kehadiran Universiti walaupun kontinjen sukan kecil tetapi atlet mesti tonjolkan kita mampu memberi impak besar dan memberi saingan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Penyerahan Bendera Kejohanan SUKUM Ke 37 kepada Ketua Kontinjen UMK, YBhg. Prof. Dr. Razi bin Che Razak, di Dewan Terbuka Keusahawanan, UMK Kampus Kota, Pengkalan Chepa, pada 1 Julai 2012.

Sementara itu, Prof. Dr. Razi, turut yakin dengan kemampuan dan kebolehan semua atlit dan pegawai untuk menggalas cabaran di kejohanan itu dengan menaruh harapan UMK mampu meningkatkan prestasi untuk mara ke peringkat pusingan akhir.

"Kontinjen UMK menghantar 98 atlet dan pegawai bagi menyertai lima acara 4B 1F iaitu bola sepak (senior dan veteran), badminton campuran, boling padang (lelaki dan wanita) dan futsal (lelaki) pada edisi kali ini," jelasnya.



Bilangan Pelawat :
297767

[Penafian](#)

[Dasar Privasi](#)

[Dasar Keselamatan](#)

[Soalan Lazim](#)

[Hubungi Kami](#)

[Bantuan](#)

[Peta Laman](#)

Hakcipta © 2012 Portal Rasmi Universiti Malaysia Kelantan.
Paparan Terbaik Mozilla/Firefox/IE/Safari/Camino/Opera Friendly
Universiti Malaysia Kelantan, Karung Berkunci 36, 16100 Pengkalan Chepa, Kota Bharu, Kelantan
Tel : +609 - 7717000
Fax : +609 - 7717022
Email : webmaster@umk.edu.my
Tarikh Kemaskini: 07/11/2012, 07:46:44.